



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
22 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|------------------------------------------------|----|
| - Dua keluarga mangsa kebakaran terima bantuan | 33 |
|------------------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dua keluarga mangsa kebakaran terima bantuan
Muka Surat	33



Ahmad Sabri (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa.

Dua keluarga mangsa kebakaran terima bantuan

54 mis 33
22/10/2018

AMPANG - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyampaikan bantuan kepada dua keluarga mangsa kebakaran membabitkan 10 deretan kedai, kelmarin.

Sumbangan itu disampaikan Setiausaha Politik Kawasan Ampang, Ahmad Sabri Abu Bakar selepas melawat mangsa kebakaran.

Sabri berkata, Zuraida akan memberi sumbangan wang tunai dalam masa terdekat kepada mangsa yang telah berdaftar dengan JKM bagi meringankan beban mereka.

"Saya dimaklumkan harta benda mereka musnah dalam kebakaran itu, saya berharap mereka tabah dalam menempuh dugaan ini. sehingga jam 12 tengah malam tadi (semalam) dua keluarga itu daripada 10 mangsa tampil membuat laporan polis dan mendaftar dengan JKM," katanya.

Beliau berkata, mangsa tinggal di rumah rakan dan saudara mereka buat sementara.

"Agensi terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Hulu Langat, Pejabat Penghulu Ampang, Jawatankuasa Penduduk Zon 8, Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah bertindak pantas serta berusaha membantu mangsa yang terlibat," katanya.

Dalam kejadian jam 2.31 petang, seramai 21 anggota dari tiga balai bomba iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ampang, BBP Pandan dan BBP Keramat bergegas ke lokasi.

Kejadian berkenaan memusnahkan 100 peratus deretan kedai tersebut dan anggota bomba dan penyelamat berjaya mengawal kebakaran dalam tempoh masa kira-kira sejam.